

# PM jamin kekal dasar adil bagi semua kaum

BH- 17/12/2007

## Rakyat diminta sentiasa bersatu padu, elak daripada bergaduh

Oleh Fazli Abdullah, Fazallah Pit dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi

**K**EPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan kerajaan akan meneruskan dasar berlaku adil kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama dalam semua bidang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat bersatu padu dalam suasana harmoni dan mengelak daripada bergaduh sesama sendiri kerana ia tidak menguntungkan mana-mana pihak.

Sambil mengakui tidak semua kaum mendapat semua yang mereka mahukan, beliau menegaskan kerajaan akan terus berusaha memberikan yang terbaik kepada rakyat dan tidak mengecewakan mereka.

"Mungkin usaha kita sebelum ini belum cukup, tetapi kita akan usahakan banyak lagi.

Memang kehendak semua orang banyak... semua kaum mahukan lebih, tetapi kita tidak boleh beri semua dan kerajaan akan terus berusaha," katanya pada majlis perjumpaan dengan masyarakat India Kepala Batas di Dewan Milenium, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua MIC Kepala Batas, Datuk M Sivanathan.

Terdahulu, Abdullah menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2007 Sekolah di kawasan Parlimen Kepala Batas.

Abdullah berkata, segala masalah dan bantuan berkaitan masyarakat India dan Cina ini sentiasa dibincangkan kerajaan menerusi wakil parti masing-masing, melalui MIC serta MCA dan perkara sama dilakukan pemimpin terdahulu yang berjaya membentuk kerjasama baik kaum di negara ini.

Malah, beliau sendiri mempunyai hubungan baik dengan semua kaum di negara ini, termasuk masyarakat India

"Itulah cara kita bekerja. Kita hormati semua rakyat tanpa mengira kaum kerana mahu hidup berbaik-baik, tidak bergaduh sesama kita sejak dulu lagi. Saya juga mempunyai hubungan baik dengan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu serta Tan Sri MG Pandithan (Presiden Barisan Kemajuan India Malaysia walaupun parti itu tidak menjadi kom-



**PEMANGKIN KEJAYAAN:** Abdullah sambil diperhatikan Jeanne menyampaikan basikal kepada pelajar cemerlang UPSR 2007, Nur Farah Aina Anuar pada majlis penyampaian anugerah pelajar cemerlang UPSR 2007 Sekolah di kawasan Parlimen Kepala Batas, semalam.

ponen Barisan Nasional," katanya.

Perdana Menteri turut menjelaskan perjumpaannya dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili masyarakat India di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

Abdullah berkata, pertemuan itu berlangsung dalam suasana tenang

**"Itulah cara kita bekerja. Kita hormati semua rakyat tanpa mengira kaum kerana mahu hidup berbaik-baik, tidak bergaduh sesama kita sejak dulu lagi"**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

dan wakil NGO memberi penjelasan kepadanya dengan tenang dan berterus terang.

"Mereka mengakui apa yang kita buat dan mereka juga kata akan bekerjasama dan sokong saya (kerajaan)," katanya.

Dalam pertemuan itu, Abdullah berkata, beliau memberi pengakuan akan melaksanakan tanggungjawab untuk pembangunan negara.

Perdana Menteri juga berkata, sejarah membuktikan tidak pernah berlaku pergaduhan kaum membatikan orang India dan Melayu di negara ini yang berkaitan dengan agama.

Katanya, walaupun kemungkinan berlaku perselisihan faham, pergaduhan membatikan isu agama tidak pernah berlaku.

Beliau juga menasihati rakyat semua kaum tidak menyebabkan rasa kebencian sehingga menimbulkan kemarahan sesama mereka.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis makan malam Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Yu di sini, malam tadi, Perdana Menteri meminta guru menekankan pengajaran mengenai kepentingan perpaduan dan toleransi antara kaum bagi melahirkan rakyat yang baik.

Guru harus memberi pendidikan bukan setakat akademik, tetapi sifat mulia termasuk berbaik-baik dengan bangsa lain, katanya.

Beliau berkata, pelajar harus dididik supaya boleh bermuafakat dan menghormati perbezaan antara kaum, selain menanam semangat cintakan negara.

Katanya, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dengan membantu anak dalam menyemai sikap toleransi antara kaum kepada anak masing-masing.

"Dengan melahirkan pelajar yang tinggi tahap akademik dan sentiasa bersatu padu antara semua kaum, menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur dan maju," katanya.